



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DALAM MENANGANI PENULARAN WABAK COVID-19

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyedari akan risiko dan kegusaran oleh rakyat Malaysia terutama mereka yang bertugas dan menetap di luar negara seperti di Iran dan Itali susulan daripada penularan wabak COVID-19. Justeru, Kerajaan telah memutuskan untuk membawa pulang seramai 388 rakyat Malaysia yang terdiri daripada 323 orang dari Itali dan 65 orang dari Iran.

Susulan daripada keputusan Kerajaan ini, KPWKM memainkan peranan dan telah dipertanggungjawabkan dalam menjaga serta mengurus hal ehwal kebajikan mereka yang akan dibawa pulang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Peranan yang akan dimainkan oleh JKM adalah seperti berikut :

- i. Menyediakan keperluan asas seperti makan, minum, pakaian, peralatan harian dan juga keperluan lain yang diperlukan;
- ii. Mendaftar dan mengemaskini maklumat mereka yang menjalani pengawasan;
- iii. Menyelaras sumbangan daripada pertubuhan bukan Kerajaan, syarikat korporat dan individu mengikut keperluan;

- iv. Menguruskan aduan berkaitan keperluan serta menyediakan perkhidmatan kaunseling jika diperlukan kepada keluarga.

JKM akan menyediakan petugas yang secukupnya termasuk pasukan yang telah bertugas dalam misi pengawasan warga Malaysia dari Wuhan sebelum ini bagi membantu urusan dan keperluan harian mereka yang akan di bawa pulang kelak selama tempoh kuarantin. KPWKM mengagumi komitmen yang tinggi ditunjukkan oleh pegawai bertugas tanpa mengambil kira risiko yang perlu dihadapi oleh mereka demi tugas dan kesejahteraan negara.

Dalam hal ini, KPWKM sangat prihatin terhadap kebajikan mereka dan berhasrat memberikan **insentif khas kepada** petugas ini sebagai apresiasi Kementerian terhadap sumbangan dan komitmen yang padu kepada Negara.

Pada masa yang sama juga, KPWKM sangat mengambil berat terhadap kesihatan dan kesejahteraan penghuni di 70 buah institusi yang terdiri daripada 38 buah institusi Kanak-kanak, 12 buah institusi warga emas dan 10 buah institusi Orang Kurang Upaya, 5 institusi Orang Papa dan 5 institusi mangsa pemerdagangan orang.

Dalam hal ini Kementerian telah mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- i. Membekalkan sanitizer dan topeng di semua premis institusi yang telah dinyatakan;
- ii. Memberikan khidmat nasihat berkaitan wabak COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan;

- iii. Menasihatkan pegawai serta kakitangan yang mempunyai gejala berkaitan wabak ini untuk mengambil langkah-langkah pencegahan seperti menggunakan topeng muka dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan di pusat kesihatan yang berdekatan; dan
- iv. Menangguhkan permohonan lawatan daripada pihak luar kesemua intitusi di bawah Kementerian.

Selain itu, KPWKM juga melaksanakan kawalan dalaman dengan menguatkuasakan operasi saringan suhu badan kepada semua warga kerja KPWKM/Jabatan/Agensi/Pelawat di aras lobi sebelum memasuki pejabat bagi memastikan semua pihak mempunyai tahap kesihatan yang baik.

Kementerian juga komited dalam memastikan semua warga kerja mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

14 Mac 2020